

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN RAMLI BIN DATO' MOHD NOR
[CAMERON HIGHLANDS]**

TARIKH : 8 DISEMBER 2021 (RABU)

SOALAN

TUAN RAMLI BIN DATO' MOHD NOR [CAMERON HIGHLANDS] minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan apakah langkah yang akan dilakukan oleh pihak Kementerian bagi menyelesaikan masalah bekalan air bersih di seluruh kawasan Orang Asli terutamanya di Parlimen Cameron Highlands.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan berusaha untuk melengkapkan perkampungan Orang Asli dengan kemudahan bekalan air terawat semenjak pelaksanaan Rancangan Malaysia Ke10 (RMKe10). Mesyuarat Tindakan Negara (MTN) Bil. 1/2011 telah memutuskan supaya projek bekalan air terawat dilaksanakan di perkampungan Orang Asli seluruh Semenanjung Malaysia.

Sejak itu Kerajaan telah menyalurkan peruntukan kepada Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) bagi melaksanakan projek bekalan air terawat di perkampungan Orang Asli (KOA) dengan kos keseluruhan berjumlah RM290.0 juta. Dari tahun 2011 hingga tahun 2021, JAKOA telah melaksanakan 353 projek bekalan air terawat melibatkan kerja-kerja bina baru, menaiktaraf dan membaikpulih sistem rawatan air. Jumlah KOA yang telah mempunyai bekalan air terawat

SOALAN NO : 42

juga telah meningkat kepada 706 daripada 853 buah KOA yang diiktiraf.

JAKOA juga telah bekerjasama dengan rakan sinergi yang terdiri daripada agensi kerajaan yang mempunyai kepakaran seperti Bahagian Kejuruteraan, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Jabatan Mineral dan Geosains (JMG), Kementerian Tenaga dan Sumber Asli (KETSA), Institut Penyelidikan Air Kebangsaan (NAHRIM), Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA) dan Jabatan Kerja Raya, Kementerian Kerja Raya (KKR) bagi meningkatkan kualiti bekalan air di perkampungan Orang Asli.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, terdapat 83 buah Kampung Orang Asli (KOA) yang diiktiraf di Parlimen Cameron Highlands. Daripada jumlah tersebut sebanyak 15 buah KOA belum mempunyai bekalan air terawat dan penduduk menggunakan bekalan air yang diperolehi dari sungai berhampiran kampung sebagai kegunaan harian.

JAKOA akan mempergiatkan usaha untuk menyediakan kemudahan bekalan air terawat di perkampungan tersebut pada masa akan datang. Pada tahun 2022 dua (2) projek menaiktaraf sistem rawatan air akan dilaksanakan di KOA Leryar dan KOA Cheros, Parlimen Cameron Highlands.

Sekian, terima kasih.